



Dr Noorul Ainur (depan, lapan dari kanan) dan Prof Daing Nasir bersama warga UMP selepas menyampaikan syarahan umum kebangsaan.

# TVET lahir 225,000 pekerja mahir

BERITA HARIAN (VARSITI) BERITA IPT (22 DECEMBER 2016)

Oleh Nurul  
Nadira Shaari  
bhvarsiti@bh.com.my

## Gambang

Kira-kira 225,000 pekerja mahir dalam bidang teknikal bakal dilahirkan menerusi program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara menjelang 2020.

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, berkata pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai, sekali gus membantu meningkatkan kemasukan pelabur asing ke negara ini.

Beliau berkata, TVET menjadi keutamaan berikutan permintaan tinggi pihak industri terhadap keperluan modal insan dalam bidang itu, justeru Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) meliputi Universiti Malaysia Pahang (UMP),

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memainkan peranan penting bersama institusi lain seperti politeknik serta kolej komuniti.

“TVET kini adalah pendidikan primer. Oleh itu, peruntukan tinggi disalurkan kepada bidang ini menerusi Rancangan Malaysia Keselelas dan Bajet 2017,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan syarahan

umum kebangsaan di UMP Kampus Gambang dekat sini, baru-baru ini.

### Strategi utama

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Mengulas lanjut, Dr Noorul Ainur berkata, antara strategi utama memacu bidang TVET ialah menjalankan kerjasama dengan pihak industri bagi memberi pendedahan sebenar kepada pelajar.

“Di Thailand, pihak industri memberikan

peralatan yang mereka guna kepada universiti dan penuntut akan belajar + menggunakanannya. Melalui cara itu, pelajar mereka tidak menghadapi masalah mengendalikan peralatan terbabit apabila bekerja selepas menamatkan pengajian.

“Kita juga harus ada kerjasama seumpama itu kerana memudahkan semua pihak dan paling penting, pekerja mahir dilahirkan sesuai dengan permintaan industri,” katanya.

info

→ Kerajaan memperuntukkan RM4.6 bilion dalam Bajet 2017 bagi memperkasakan TVET.